

**Teks Ucapan Naib Canselor sempena Majlis Perasmian Laman  
Web Baharu UMS 1 Julai 2009; D'Sireh Café; 12:00 tengahari**

*Bismillahir Rahmannir Rahim*

*Assalammualaikum wbt dan Salam Sejahtera*

*Terimakasih Pengacara Majlis*

Pegawai-Pegawai Utama UMS

Yang Berusaha En Effendy Hadis

Pemangku Ketua

Unit Media dan Teknologi Pendidikan

Para Dekan dan Pengarah

Ketua-Ketua Jabatan JSPIU

***Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,***

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan izinNya jua, saya dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian membangun universiti ini, agar ianya sentiasa relevan dan setanding dengan institusi pengajian tinggi awam yang lain, khususnya dalam penawaran pelbagai program kesarjanaan yang diperlukan oleh manusia. Penawaran dan permintaan adalah dua faktor yang berkait rapat yang akan dapat di

selaras dengan baik jika kita mempunyai sistem teknologi maklumat yang sentiasa dikemaskini atau pun up-to-date.

Dalam hubungan ini, maka saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah khususnya kepada pihak UMTP yang telah menggagahi usaha memperkemaskan semula presentasi laman web UMS. Saya difahamkan bahawa ini merupakan kali ke-3 laman web kita diperbaharui. Kali kedua ialah pada bulan Februari 2007. Laman web yang baharu ini akan lebih mesra pengguna dan penuh berinformasi.

Serentak dengan kemasukan siswa siswi baharu 2009/2010, maka laman web ini diharapkan akan dapat mempermudah pelbagai hebahan dan muat turun untuk keselesaan penuntut-penuntut kita keseluruhannya. Di samping itu, laman web kali ini akan turut fokus kepada usaha menonjolkan paparan maklumat yang terkini disamping menyimpan bahan-bahan arkib yang ingin dijadikan rujukan. Pendek kata, kita bertekad untuk menjadikan laman web UMS sebagai salah satu laman web yang akan kerap menjadi kunjungan oleh pengguna sama ada dari kalangan warga UMS mahu pun masyarakat umum dari dalam dan luar Negara.

***Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,***

Masyarakat dunia pada hari ini merupakan masyarakat pengguna sistem komputer *on-line* yang bijak. Forum-forum dan segala bentuk wacana minda sudah pun diwujudkan menerusi medan *cyber* atau laman maya. Individu atau pun kelompok masyarakat tidak perlu lagi keluar dari rumah atau pejabat semata-mata untuk melaksanakan perniagaan mahu pun mengadakan mesyuarat dan perbincangan. Perniagaan yang dilaksanakan melalui *internet* mahu pun *teleconferencing* telah pun terbukti berkesan dan mudah dilaksanakan.

Penggunaan blog juga merupakan salah satu daripada mekanisma popular yang sering digunakan oleh pengguna komputer untuk membincangkan sesuatu isu. Tahap populariti blog ini telah pun sampai ke suatu peringkat dimana semua masyarakat wajar mengetahui serba sedikit mengenainya. Portal bebas ini, walaubagaimana pun, jika tidak diselia dengan baik, boleh menyebabkan kesan yang negatif seperti menimbulkan kekeliruan, fitnah dan seumpamanya.

Namun walau apa pun impaknya, kesemua perkembangan yang berkaitan dengan ICT ini menunjukkan bahawa masyarakat dunia pada hari ini telah mula membudayakan

laman maya sebagai pusat rujukan yang mudah, cepat dan berinformasi. Dimana-mana saja kita berada, kita tidak akan kurang informasi, asal sahaja laman maya yang kita layari itu lengkap dan berintegriti. Tambahan pula alat komunikasi selain komputer, seperti telefon mudah alih sudah pun mampu menjadi alat untuk melayari laman maya.

Maka dalam hubungan inilah, peripentingnya kita memastikan agar laman web kita memenuhi citarasa pengguna. Ketepatan dan kesahihan maklumat perlu dipelihara. Disamping itu kita perlu laman web yang tidak rigid dan kurang birokrasinya dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan. Dengan kata lain, kita mahu agar maklumat yang diperlukan menerusi hujung jari ini, dicapai se pantas yang boleh.

***Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,***

Kerajaan begitu komited dalam menjayakan pewujudan kerajaan elektronik sepenuhnya. Dimana segenap aspek pengurusan pentadbiran khususnya di kesemua jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan agensi-agensinya dilakukan menerusi sistem *on-line*. Oleh yang demikian sudah tiba masanya, kesedaran ICT ini perlu diberi penekanan yang serius oleh semua kakitangan. Semua peringkat kakitangan perlu mengambil inisiatif untuk

menjadi mesra pengguna bagi menjayakan misi tersebut, yakni memastikan kelancaran pelaksanaan system kerajaan elektronik. Secara langsung ini akan menyumbang kepada usaha mewujudkan sumber manusia yang berdaya saing dan efisien.

UMS, selaku salah satu daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam, akan terus memastikan bahawa ia terus menjadi antara pendukung utama kepada setiap usaha dan perancangan yang dilakukan oleh kerajaan, khususnya dalam aspek pengajian tinggi.

Akhir kata, apa sahaja usaha yang kita lakukan, maka ianya hendaklah dilakukan secara berpasukan, dirancang dengan bijak dan dijayakan dengan penuh komitmen. Semua aspek yang membantu kelancaran pengajaran dan pembelajaran perlu dipertingkatkan keupayaannya. Pembangunan laman web yang kita rasmikan buat kali yang ketiganya pada hari ini adalah salah satu daripada usaha yang dimaksudkan.

**Maka dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahim, saya dengan segala sukacitanya merasmikan pelancaran wajah baru laman web UMS.**

*Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*